PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI KHAMIS : 30 OKTOBER 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.7 HINGGA 54)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 6)

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

NO. SOALAN : 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**
[PAYA BESAR]

TARIKH : **30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

SOALAN

Dato' Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan cadangan FELDA Wellness Corporation Sdn. Bhd. (FWC) supaya Kerajaan menubuhkan Farmanas Berhad dengan suntikan dana RM1 bilion yang akan berperanan sebagai gerbang pengkomersilan ekonomi global dan perolehan ketiga negara iaitu biodiversiti negara selepas petroleum dan kelapa sawit.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

FELDA Wellness Corporation Sdn. Bhd. (FWC) telah ditubuhkan pada 13 Julai 2013 dengan matlamat untuk menjana sumber pendapatan alternatif baru kepada FELDA yang buat masa ini sebahagian besar perniagaannya bergantung kepada pengeluaran minyak kelapa sawit.

FWC adalah syarikat milik penuh FELDA yang merupakan sebahagian daripada inisiatif berikutan (*spin-off*) dari Agenda Transformasi FELDA dalam memastikan kemampanan (sustainability) organisasi FELDA supaya terus berdaya saing di masa hadapan.

Aktiviti FWC adalah untuk menjalankan penyelidikan, membangun, mengeluar dan mengkomersilkan produk dan perkhidmatan kesihatan bersumberkan tumbuh-tumbuhan dan bahan semulajadi dengan menggunakan platform teknologi tinggi dan berinovasi.

Ia juga adalah selaras dengan inisiatif kerajaan untuk memacu Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA) menerusi sektor pertanian dan kesihatan di bawah NKEA ke 11 (Pertanian) dan NKEA ke 12 (Penjagaan Kesihatan).Malahan FWC juga adalah syarikat peneraju yang diiktiraf bagi Bio-Economic Transformation Programme (BTP) yang dipelopori oleh Malaysia Biotechcorp.

Justeru, FWC berpendapat bahawa cadangan penubuhan Farmasi Nasional (FARMANAS) ini adalah sebagai platform bagi menambah nilai dan membangunkan lagi sumber Bio Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dan menguntungkan Negara.

Buat masa ini, penubuhan FARMANAS masih diperingkat penyelidikan dan penyediaan kertas cadangan yang memerlukan kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak yang berkaitan seperti MOSTI dan Malaysia Biotechcorp sebelum dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (*National Economic Council*).

Dengan cadangan penubuhan FARMANAS ini, adalah diyakini bahawa ianya juga boleh membantu memastikan perlindungan yang sepatutnya dapat dilakukan ke atas penghasilan inovasi *bio-drug development* tempatan melalui pemeliharaan hakcipta dengan Harta Intelek Nasional (MyIPO). Ini secara tidak langsung dapat membantu memajukan, mempelopori dan menambah nilai sumber bio-diversiti negara dalam usaha untuk mengkomersialkan platform tersebut.

FARMANAS yang dicadangkan ini berperanan sebagai gerbang pengkomersilan ekonomi global dan menyumbang kepada perolehan alternatif negara iaitu biodiversiti negara. Penubuhan FARMANAS sudah semestinya memerlukan suntikan dana yang besar yang boleh mencecah sehingga RM1 bilion untuk jangka masa pembangunan yang dianggarkan selama 5 tahun yang turut merangkumi pembangunan infrastruktur, penyelidikan dan kajian klinikal, kawal selia, *global agents and distributors*, promosi produk dan kolaborasi dengan syarikat-syarikat antarabangsa.

Namun begitu ia bergantung kepada keputusan yang bakal dibuat kepada cadangan yang dikemukakan dalam merealisasikan matlamat FARMANAS ini.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. : 8

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]**
TARIKH	:	**30 OKTOBER 2014** **(KHAMIS)**

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi

[Batu Pahat] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sejak bila Pintu Kawalan Air Pasang Surut di Kg. Sg. Bagan Laut telah rosak dan berapa luas tanaman sawit telah musnah serta berapa jumlah kerugian yang telah dialami oleh para pekebun. Berapa jumlah ganti-rugi dan pampasan yang telah diberikan kepada para pekebun kecil yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pintu Air Kawalan Pasang Surut jenis *automatic flap gate* yang rosak tersebut telah dibina oleh pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman kelapa sawit di luar kawasan Skim Saliran Rengit. Ban tanah juga telah dibina oleh pekebun-pekebun kecil bertujuan mengawal kemasukan air masin ke kawasan pertanian yang pada asalnya adalah kawasan zon penampan. Pintu air dan ban tanah tersebut dibina tanpa menepati spesifikasi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).

Pintu air tersebut juga telah mengalami kerosakan manakala ban tanah tersebut kerap pecah menyebabkan kemasukan air masin tidak dapat dibendung dan menyebabkan pokok kelapa sawit rosak dan mati sejak tahun 2010.

JPS telah mengambil inisiatif mengagihkan sebahagian peruntukan penyelenggaraan daripada kawasan skim saliran yang telah diwartakan dan telah membina semula pintu air pada akhir tahun 2012 bagi menggantikan pintu air yang telah rosak tersebut.

Walau bagaimanapun, kemasukan air masin masih berlaku kerana ban tanah kerap pecah dan runtuh. Tiada peruntukan tahunan khusus disediakan bagi kawasan ini kerana ianya adalah di luar skim. Ban tanah yang pecah dan rosak telah dibaiki oleh JPS dari semasa ke semasa bergantung kepada peruntukan yang diterima.

Ganti rugi dan pampasan kepada para pekebun kecil yang terlibat adalah di luar tanggungjawab Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

Soalan No :9

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 30.10.2014

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menanam minat pelajar dalam bidang perniagaan. Sejauh mana sistem pelajaran terkini iaitu KSSR yang menggantikan KBSR dapat membantu menanam minat pelajar dalam bidang tersebut serta apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar supaya pencapaiannya setanding dengan kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkaitan elemen keusahawanan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sejak awal tahun 1990-an berlandaskan bidang/tajuk perniagaan dan keusahawanan.

Elemen Keusahawanan diterapkan kepada murid dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR) di Tahap 2 (tahun 4, 5 dan 6), dan dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Tingkatan 1, 2 dan 3 di peringkat menengah rendah. Kedua-dua mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran wajib. Bagi murid tingkatan 4

dan 5 elemen keusahawanan ini di terapkan dalam mata pelajaran pilihan iaitu Perdagangan, Ekonomi Asas, Reka Cipta dan 22 mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah menengah.

Dalam meneruskan usaha menanam minat murid terhadap bidang keusahawanan, elemen keusahawanan telah mula diterapkan di peringkat tahap satu sekolah rendah lagi melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sebagai elemen merentas kurikulum bagi semua mata pelajaran.

Seterusnya pada tahap dua sekolah rendah dan Tingkatan 1 hingga 3 sekolah menengah, mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi yang diperkenalkan memberi fokus kepada kemahiran keusahawanan dan pengurusan kewangan. Di peringkat Tingkatan 4 dan 5 sekolah menengah, mata pelajaran berunsur keusahawanan dan perniagaan seperti Perdagangan, Ekonomi Asas dan Prinsip Perakaunan ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif

Di dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV), pelajar-pelajar Kolej Vokasional diperkenalkan dengan "School Enterprise" di mana setiap pelajar dilatih dan diperkenalkan dengan semua aspek perniagaan dan keusahawanan. Pelaksanaan sebenar dalam bidang perniagaan dan keusahawanan diterapkan kepada pelajar secara khusus di mana pelajar didedahkan dan dilatih untuk menjadi usahawan sebenar. Proses "SE" dilaksanakan melalui program-program sekolah di mana *'hands on'* sebenar akan berlaku dan para pelajar akan didedahkan dengan amalan praktikalnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperkasakan pendidikan di luar bandar khususnya di sekolah Band 5,6 dan 7, KPM melalui Program Transformasi Daerah (DTP) telah menempatkan *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+) dan *School Improvement Partner* (SIPartner+) secara sepenuh masa di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). SISC+ adalah pembimbing guru yang berdedikasi dan komited untuk mempertingkat kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Pegawai yang dilantik sebagai SISC+ akan ditempatkan di PPD untuk membimbing guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. SIPartner+ pula berperanan untuk memberi membimbing terhadap barisan kepimpinan sekolah. Pada masa ini, terdapat seramai 1,019 SISC+ manakala terdapat 309 SIPartner+ di seluruh negari.

RJM74

SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**
TARIKH	:	**30 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana serta apakah pendekatan yang diguna oleh Kementerian bagi mengawal pengamal perubatan tradisional dan perubatan alternatif yang kelihatan begitu meluas pengamalannya dalam masyarakat di Malaysia. Apakah usaha Kerajaan untuk membendung penipuan dalam kaedah pengubatan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Pertama sekali saya ingin memberikan sedikit pencerahan berhubung dengan penggunaan istilah 'perubatan alternatif'. Untuk makluman Ahli Dewan semua, konsep perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) yang diamalkan di Malaysia adalah sebagai pelengkap atau komplementari bagi perubatan moden.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak dapat menafikan bahawa penggunaan amalan PT&K semakin popular dan meningkat di kalangan rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, juga terdapat banyak kes penipuan yang dijalankan oleh individu yang tidak beretika. Pihak Kementerian telah mengambil pendekatan yang proaktif dalam memastikan perkhidmatan PT&K yang diterima oleh pengguna adalah selamat dan berkualiti.

Untuk makluman Ahli Dewan semua, Akta PT&K 2013 telah diwartakan pada 8 Februari 2013 dan sedang menunggu tarikh penguatkuasaan. Akta ini bertujan untuk mengawalselia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Berdasarkan Akta ini, Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti enam bidang amalan utama di bawah PT&K iaitu perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India, perubatan tradisional Cina, pengubatan Islam, homeopati dan terapi komplementari. Apabila Akta PT&K 2013 dikuatkuasakan, sebuah Majlis iaitu Majlis PT&K akan ditubuhkan dan semua pengamal PT&K perlu memenuhi kriteria pendaftaran yang ditetapkan oleh Majlis dan berdaftar dengan Majlis tersebut.

Pada ketika ini, sementara menunggu Akta PT&K 2013 untuk dikuatkuasakan, pihak Kementerian telah melantik lapan (8) badan pengamal bagi mewakili setiap bidang amalan yang telah dikenalpasti. Badan pengamal yang telah dilantik ini menjalankan kawal selia sendiri atau *self-regulation* berdasarkan kod amalan dan kod etika yang telah dibangunkan oleh pihak Kementerian dan juga perlembagaan pertubuhan tersebut.

Semenjak penubuhan Bahagian PT&K di KKM, pihak Kementerian telah banyak berkolaborasi dengan agensi Kerajaan dan pihak swasta dalam mengadakan kempen kesedaran dan jerayawara (*road show*) dengan tujuan memperkasakan pengguna atas hak mereka sebagai seorang pelanggan dalam mendapat perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian sedang dalam peringkat akhir penggubalan Peraturan-Peraturan PT&K ke arah penguatkuasaan Akta ini. KKM berharap penguatkuasaan Akta PT&K 2013 kelak akan dapat meningkatkan profesionalisme pengamal selain dapat memastikan perkhidmatan PT&K di Malaysia adalah berkualiti, selamat dan berkesan. Tindakan perundangan atau prosiding tatatertib boleh diambil ke atas pengamal yang disabit kesalahan atau terlibat dalam salah laku professional apabila Akta ini dikuatkuasakan kelak.

NO. SOALAN : 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]**
TARIKH	:	**30.10.2014(RABU)**

TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan sehingga kini oleh Kementerian dalam program mengawal kenaikan harga barang serta masih ada lagi program-program yang belum dijalankan, dan jika ada mengapa ia belum dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya prihatin tentang isu peningkatan kos sara hidup yang membebankan dan boleh menggugat kesejahteraan hidup rakyat. Justeru itu, Kementerian telah dan sedang melaksanakan pelbagai program bagi membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup ini, antara lainnya melalui program-program berikut:

BIL	PROGRAM KHUSUS	PERUNTUKAN (RM)
1	PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU, LPG DAN *COMMUNITY DRUMMING*	186,000,000
2	PROGRAM 1MALAYSIA 1HARGA	85,437,400
3	NBOS (MOBILE KR1M)	60,000,000
JUMLAH		**331,437,400**

Selain itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan juga menganjurkan "Kempen Penurunan Harga" bermula tahun 2008. Kempen Penurunan Harga (KPH) ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan. Penyertaan kempen ini adalah secara sukarela dari kalangan peniaga dengan peratusan penurunan harga barangan antara 10 hingga 70 peratus. Tempoh minima penurunan harga ialah selama 30 hari.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) yang dilaksanakan sejak tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (dahulu dikenali sebagai Akta

Kawalan Harga 1946). Pengenalan Skim ini merupakan salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal harga barang perlu semasa musim perayaan agar harga dan bekalan barangan keperluan utama seperti daging, ayam, bawang, telur dan sayur-sayuran adalah mencukupi dan ditawarkan pada harga yang telah ditetapkan.

SOALAN NO: 12

DEWAN NEGARA MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 30 OKTOBER 2014

SOALAN:

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan jumlah peruntukan yang diberi kepada Zoo Negara setiap tahun sejak tahun 2004, serta perincian peruntukan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Zoo Negara dikendalikan oleh Malaysian Zoological Society, iaitu sebuah Badan Bukan Kerajaan. Zoo Negara merupakan zoo yang terbesar di Malaysia dan telah mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records*.

Zoo Negara memainkan peranan penting dalam menyokong usaha konservasi hidupan liar termasuk membantu dalam usaha memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat. Dalam hal ini, Kerajaan telah memberi peruntukan kepada Zoo Negara untuk menaik taraf kemudahan dan infrastruktur di Zoo Negara bagi memastikan kebajikan hidupan liar sentiasa dipelihara.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM8.1 juta telah disalurkan untuk menaik taraf eksibit hidupan liar dan menaik taraf kemudahan pelawat dan pekerja Zoo Negara. Bagi Tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan berjumlah RM200 ribu telah disalurkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan. Manakala bagi tahun 2011, peruntukan berjumlah RM8.2 juta disalurkan untuk menaik taraf lima eksibit di Zoo Negara iaitu *elephant, nile hippopotamus, chimpanzee, baboon dan bear complex*.

Bagi tahun 2013, sebanyak RM10.1 juta telah diperuntukkan, iaitu

RM5.1 juta untuk kerja- kerja pembersihan tasik dan landskap serta RM5 juta untuk penempatan Giant Panda di Zoo Negara. Kementerian akan terus menyokong dan sentiasa bekerjasama dengan Zoo Negara dalam usaha konservasi hidupan liar.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]

TARIKH : 30.10.2014

RUJUKAN : 7165

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kegiatan militan dan pengganas dari dalam dan luar negara menjadi ancaman kepada keselamatan dan keamanan negara masa kini dan apakah langkah tegas yang diambil bagi membendung kegiatan militan ini dan seterusnya memastikan keselamatan dan keamanan negara terus terjamin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius terhadap ancaman ini kerana jika tidak dikawal, ia boleh menggugat keselamatan dan keamanan negara. Sungguhpun demikian, ancaman kegiatan militan di Malaysia adalah pada tahap yang rendah dan ianya masih lagi terkawal. Punca utama kegiatan keganasan ini terus berlaku adalah kerana terpengaruh dengan idealogi untuk mewujudkan negara Islam melalui perjuangan Jihad bersenjata dan mati syahid. Semua pihak juga perlu faham bahawa Malaysia bukanlah merupakan pengkalan untuk mengumpul dana, menyebarkan propaganda mahupun mengaktifkan aktiviti pengganas tetapi ianya merupakan negara transit sahaja terhadap aktiviti-aktiviti mereka ke negara-negara lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi membendung kegiatan militan ini dan seterusnya memastikan keselamatan dan keamanan negara terus terjamin, Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia memantau dengan rapi individu-individu yang disyaki terlibat dalam kegiatan ini. Sehingga 16 Oktober 2014, sejumlah 229 tangkapan telah dibuat di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA) 2012.

Disamping itu, Polis DiRaja Malaysia turut menjalinkan kerjasama yang rapat dengan agensi perisikan asing untuk mengekang isu ini. Usaha jalinan ini termasuklah melalui kerjasama berterusan di

samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN.

Bahkan, Kerajaan turut menguatkuasakan undang-undang sedia ada yang memberikan peruntukan kepada pihak berkuasa untuk membendung kegiatan keganasan ini daripada terus berleluasa. Diantara undang-undang tersebut adalah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- Langkah Khas) 2012 di bawah Jadual Pertama Akta, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 di bawah Seksyen 66B(1) – isytihar pembekuan aset dan Seksyen 66C(1) – isytihar kumpulan pengganas selari dengan pengisytiharaan kumpulan/pertubuhan pengganas oleh *United Nations Security Council* (UNSC) dan Kanun Keseksaan di bawah Bab VIA – kesalahan berkaitan pengganas.

Tuan Yang DiPertua,

Selain dari itu, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia sedang meneliti beban pembuktian bagi bukti-bukti teknikal berkaitan dengan kesalahan kegiatan keganasan di dalam peruntukan undang-undang sedia ada bagi memastikan tiada individu, persatuan, dan kumpulan yang terlibat dengan aktiviti keganasan ini terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Kerajaan juga melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil langkah menyenaraihitamkan nama-nama mereka yang disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan ini dengan memasukkan nama-

nama mereka ke dalam Senarai Syak Jabatan *Imigresen (Security List)* bagi mengesan pergerakan mereka di pintu-pintu masuk utama di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga sedang menyediakan Kertas Putih untuk memaklumkan kepada rakyat tentang ancaman kegiatan keganasan yang melibatkan rakyat Malaysia dalam masa yang terdekat ini.

Di sini juga saya ingin menyeru kepada semua pihak agar menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan yang telah dinikmati selama ini.

NO SOALAN :14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos yang terlibat untuk menjalankan pengutipan GST di seluruh negara dan juga GST yang dijangka akan dikutip oleh Kerajaan pada tahun pelaksanaan pertama. Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan terhadap syarikat yang tidak mengutip GST, khususnya syarikat kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kos yang terlibat bagi melaksanakan GST adalah RM137 juta. Dengan kadar GST sebanyak 6%, hasil kutipan dianggarkan berjumlah RM23.2 bilion. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah mengecualikan sebilangan barangan yang keseluruhannya dianggarkan RM3.8 bilion. Daripada jumlah kutipan juga, sebanyak RM4.9 bilion disalurkan kembali untuk keperluan rakyat melalui pakej-pakej bantuan, contohnya tambahan BR1M.

Harus diketahui, bahawa dengan pelaksanaan GST ini, maka Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dimansuhkan yang menyebabkan kehilangan hasil Kerajaan sebanyak 13.8 bilion ringgit. Ertinya, bila ditolak 13.8 bilion ringgit dan 3.8 bilion ringgit daripada kutipan 23.2 bilion ringgit itu, baki yang ada, berjumlah 5.6 bilion ringgit.

Bagi syarikat yang telah mencapai nilai ambang RM500,000 tetapi tidak berdaftar dan tidak mengutip GST, syarikat boleh dikenakan denda sebanyak RM30,000 atau pemiliknya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi daripada dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi syarikat kecil di bawah nilai ambang RM500,000, mereka tidak diwajibkan untuk berdaftar dan dengan itu isu mengutip GST tidak berbangkit.

NO. SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIRIL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]

TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Petronas Dagangan sebagai syarikat milik Petronas yang ulung dan wibawa dan tersenarai di bawah kaunter 'blue chip' mengalami kejatuhan harga saham yang melebar dan ketara di Bursa Saham Kuala Lumpur berbanding dengan kaunter-kaunter lain di sektor ini. Apakah faktor-faktor utama kejatuhan ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) ditubuhkan pada 5 Ogos 1982 dan disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia pada 8 Mac 1994. PETRONAS memiliki pegangan saham sebanyak 69.6% ke atas PDB. Teras perniagaan PDB adalah merangkumi perniagaan runcit bagi produk petroleum seperti petrol dan diesel, perniagaan komersil, *Liquefied Petroleum Gas* (LPG) dan *lubricants*. Mengikut laporan kewangan PDB pada suku tahun kedua 2014, segmen perniagaan komersil menyumbang sebanyak 48% daripada keseluruhan pendapatan PDB, manakala segmen perniagaan runcit sebanyak 44%. Segmen LPG dan *lubricants* pula masing-masing menyumbang sebanyak 6% dan 2%.

Mengenai harga pasaran saham, pada dasarnya ianya ditentukan oleh keadaan pasaran saham semasa. Faktor-faktor turun naik harga saham di pasaran adalah di luar kawalan Syarikat. Walau bagaimanapun, teras perniagaan PETRONAS Dagangan Bhd (PDB) tetap kukuh dan stabil. Laporan kewangan PDB bagi suku tahun kedua 2014 menunjukkan peningkatan di segi pendapatan sebanyak 1% dan keuntungan sebelum cukai sebanyak 12% berbanding suku tahun pertama 2014.

RM juta	Suku Tahun Pertama Mac 2014	Suku Tahun Kedua Jun 2014
Pendapatan	8,294	8,368
Keuntungan sebelum cukai	223	251

PDB juga berjaya mengekalkan kadar *Earnings Per Share* (EPS) melebihi 80 sen sesaham bagi tiga tahun berturut-turut bermula tahun kewangan 2010/2011 hingga 2013.

Disamping itu, PDB akan terus memberikan tumpuan kepada strategi-strategi jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang dengan teliti.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN :16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI (PANDAN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria yang digunakan untuk melantik Bridge Partners Hong Kong menguruskan dana USD$2.3 bilion milik 1MDB dan bayaran tahunan yang dibayar kepada firma itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pemilihan pengurus dana yang menguruskan dana milik 1MDB adalah dipilih berdasarkan kriteria-kriteria seperti keteguhan firma

tersebut, reputasi dan pengalaman pelaburan yang dimiliki, kawasan bidang kuasa ianya diperbadankan (*incorporated jurisdiction*), peraturan-peraturan yang wajib dipatuhi (*accompanying regulation*), pematuhan terhadap IFRS dan daya saing pasaran dengan fi yang dikenakan.

1MDB memastikan fi dan perbelanjaan adalah dinyatakan dengan betul di dalam penyata kewangan yang telah diaudit. Apa-apa maklumat lain yang telah dinyatakan di dalam penyata kewangan adalah milik persendirian (*proprietry*) syarikat.

NO SOALAN :17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang berkesan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal-selia institusi-institusi kewangan di negara ini terhadap ancaman siber supaya sistem kewangan dalam negara ini selamat dan terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengawal selia institusi-institusi kewangan daripada ancaman

siber, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyediakan rangka kerja yang lengkap untuk mengekang masalah ini antaranya:

i. Mewujudkan fungsi pemantauan berterusan berdasarkan profil risiko institusi perbankan dan pengeluaran garis panduan / pekeliling yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan seperti *Circular on Preparedness Against Distributed Denial of Service Attack, Circular on Managing Inherent Risk of Internet Banking Kiosks, Circular on Prior Notification by Licensed Institutions for External System Interfaces, Guidelines on Management of IT Environment (GPIS1)* dan *Guidelines on e-Banking Services;*
ii. Menyediakan sistem peranti rangkaian keselamatan seperti *firewall* dan *Intrusion Detection and Prevention System* di setiap rangkaian ICT;
iii. Memastikan sistem operasi dan aplikasi, pelayan peranti (*hardware server*) serta peranti rangkaian adalah selamat dan bebas daripada ancaman;
iv. Memastikan sistem operasi dan peranti rangkaian ICT sentiasa dikemaskini melalui pengurusan *patch* secara berkala;

v. Menyediakan rekabentuk sistem rangkaian tiga lapis (*three-tier architecture*) dengan mengasingkan zon-zon capaian umum dan sensitif;

vi. Melaksanakan proses penyulitan (*encryption*) ke atas maklumat sensitif;

vii. Menyediakan prasarana rangkaian ICT yang berdaya tahan dengan rekabentuk dan konfigurasi yang berkesan (*no single point of failure*);

viii. Melanggan perkhidmatan pencegahan serangan *Distributed Denial of Service (DDoS);*

ix. Menjalankan ujian penembusan / pencerobohan terhadap sistem rangkaian institusi perbankan secara berkala;

x. Menyediakan sistem pemantauan (*surveillance monitoring system*) yang dapat mengesan dan menganalisis corak rangkaian trafik yang tidak normal dan mencurigakan untuk tindakan susulan;

xi. Mewujudkan rangkaian pemantauan dan risikan ancaman global *(Global Threat Intelligence*);

xii. Menubuhkan pasukan bertindak, *Cyber Emergency Response Team (CERT);* dan

xiii. Menyertai Latihan Tahunan Siber *(Cyber Drill)* yang dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Selain itu, BNM turut mewujudkan mekanisme kerjasama dan kolaborasi antara institusi perbankan dengan agensi serta sektor yang berkaitan seperti Penubuhan Pasukan Petugas Perbankan Internet *(Internet Banking Task Force)* yang dianggotai oleh BNM, institusi perbankan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Cybersecurity. Setakat ini, belum ada ancaman siber yang telah berjaya melumpuhkan operasi sistem rangkaian ICT institusi perbankan mahupun sistem perbankan Internet di Malaysia. Walaupun terdapat kes-kes penipuan tertentu yang melibatkan perbankan Internet, ianya adalah disebabkan kelemahan pihak pengguna yang mudah terpedaya dengan pelbagai teknik penipuan *(social engineering)* akibat daripada kesedaran yang rendah tentang amalan perbankan secara selamat.

Sebagai langkah berjaga-jaga, institusi perbankan sentiasa diingatkan supaya mempertingkatkan sistem kawalan infrastruktur ICT dan kesiapsiagaan serta kemahiran kakitangan masing-masing bagi menghadapi dan menangani ancaman siber ini.

Soalan No :18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH : 30.10.2014

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kajian terhadap keperluan kepelbagaian pendidikan bagi kanak-kanak Kelainan Upaya telah dijalankan dan apakah rancangan kementerian bagi menangani keperluan kanak-kanak kelainan upaya selain pekak, bisu dan buta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Mapaysia (KPM) telah bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk menjalankan kajian *feasibility* pendidikan bagi murid berkeperluan khas. Dapatan kajian tersebut dijadikan panduan kepada KPM dalam merancang dan menambah baik pendidikan khas KPM.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025, pendidikan murid berkeperluan khas dirancang mengikut kompetensi murid iaitu murid berkefungsian tinggi, sederhana dan rendah. Murid

berkeperluan khas berkefungsian tinggi digalakkan untuk mengikuti pendidikan di arus perdana manakala murid berkeperluan khas yang berkefungsian sederhana dan rendah akan ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang menyediakan pendidikan berbentuk kemahiran dan kemahiran asas.

PPPM 2013 – 2025 juga memberi fokus kepada pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif secara meluas. Selain daripada penyediaan kurikulum yang relevan, latihan guru dan tenga pakar dan membina kesedaran dan penglibatan awam, KPM juga merancang untuk:

a) Menaik taraf infarstruktur dan peralatan PPKI di sekolah arus perdana dan sekolah pendidikan khas berasaskan kategori murid berkeperluan khas.
b) Menaik taraf sekolah sedia ada mengikuti keperluan asas pendidikan khas termasuk kemudahan mesra orang kurang upaya bagi murid berkeperluan khas kurang upaya fizikal.
c) Menubuhkan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas yang menyediakan perkhidmatan sokongan bagi membolehkan murid berkeperluan khas semua kategori menerima pendidikan yang opitmum.

KPM juga akan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas bermula tahun 2017. Kurikulum ini akan memberi fokus kepada asas kemahiran dan pendidikan vokasional.

RJM75

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]

TARIKH : 30.10.2014

RUJUKAN : 7164

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menghalang rakyat Malaysia daripada terlibat dalam aktiviti keganasan, ekstremis dan ala ketenteraan di negara luar seperti Syria, Selatan Thailand dan Filipina; dan

(b) berapa ramai rakyat Malaysia yang dikenal pasti terlibat dalam kegiatan pengganas di luar negara dan apakah punca penglibatan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius terhadap penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti keganasan, ekstrimis dan ala ketenteraan di negara luar seperti Syria, Selatan Thailand dan Filipina. Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa rakyat Malaysia dikesan terlibat dengan aktiviti yang sedemikian sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat di luar negara. Ini kerana pemergian mereka ke negara yang berkenaan adalah dengan berselindung di sebalik aktiviti NGO bantuan kemanusiaan bagi mengaburi mata pihak berkuasa keselamatan. Pada masa yang sama, mereka juga mendapat bantuan daripada anggota militan yang berada di negara berkenaan untuk membantu mereka menyusup masuk.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah dan sedang menjalinkan kerjasama yang rapat dengan agensi risikan asing untuk mengekang isu ini. Usaha ini termasuklah melalui kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN. Bahkan, Kerajaan turut memberi jaminan bahawa dari sudut perundangan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001

sudah mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membendung aktiviti pengganas ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, mengikut statistik PDRM sejak bulan Disember 2001 hingga kini seramai 167 orang rakyat Malaysia telah dikesan terlibat dalam kegiatan pengganas di luar negara. Walaubagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci berhubung perkara ini kerana dikhuatiri akan mengganggu proses siasatan pihak polis khususnya dari sudut risikan.

Namun begitu, saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan di negara ini yang telah kita dinikmati selama ini.

SOALAN NO: 20

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah**
[Kuala Terengganu]

TARIKH : **30 Oktober 2014**

SOALAN : **Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** apakah langkah-langkah diambil bagi mengawal pergerakan nelayan warga-warga asing yang menggunakan kemudahan pelabuhan Chendering di Kuala Terengganu supaya aktiviti-aktiviti mereka tidak menimbulkan masalah kepada orang ramai dan rakyat tempatan Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menetapkan dasar bahawa penggunaan 100% kru warga asing hanya dibenarkan ke atas vesel penangkapan ikan yang beroperasi di Zon C, C2 dan C3 sahaja. Pergerakan kru asing ini hanya terhad di dalam vesel-vesel penangkapan ikan dan pangkalan/

pelabuhan perikanan (*port limit*) sahaja. Pergerakan keluar masuk dari pelabuhan adalah di luar bidang kuasa Jabatan Perikanan Malaysia kerana ia di luar kuasa peruntukan Akta Perikanan 1985 (AP85). Sehubungan itu, sekiranya nelayan asing tersebut didapati berada di luar kawasan, mereka telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia di bawah seksyen 8(b) iaitu:

> Mana-mana orang yang mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan, mengendali, atau membenar dikendalikan, di perairan perikanan Malaysia apa-apa vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan-
>
> (b) dengan melanggar apa-apa syarat dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel itu; adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

Sekiranya disabitkan kesalahan, boleh dikenakan tindakan menurut Seksyen 25(a) iaitu :

> Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti khas diperuntukkan berhubungan dengannya, orang itu boleh:-
>
> (a) jika vesel yang berkenaan itu ialah vesel penangkapan ikan asing atau orang yang berkenaan itu ialah rakyat negara asing, dikenakan denda tidak melebihi sejuta ringgit (RM1.0 juta) setiap orang dalam hal empunya atau nakhoda, dan

seratus ribu ringgit (RM100 ribu) dalam hal tiap-tiap anggota kru;

Antara langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Perikanan Malaysia bagi mengawal pergerakan nelayan asing yang menggunakan kemudahan Pelabuhan Chendering di Kuala Terengganu adalah seperti berikut:

i. menetapkan bilangan nelayan asing yang bekerja di atas vesel. Kadar penggunaan nelayan asing bagi vesel Zon C, C2 dan C3 ialah 100% dari jumlah keseluruhan kru di atas vesel;
ii. Dalam proses memperkenalkan kad nelayan asing bagi pengenalan diri dan majikan yang bertanggungjawab ke atas mereka. Secara dasarnya, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah bersetuju untuk pelaksanaan kad nelayan asing tersebut.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga sentiasa mengingatkan pemilik-pemilik vesel supaya mengawal kru-kru mereka agar tidak menimbulkan masalah kepada penduduk tempatan. LKIM turut bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen dan lain-lain jabatan/ agensi penguatkuasa dalam mengawal pergerakan nelayan-nelayan warga asing. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil ini juga bertujuan untuk mengemaskini rekod dan mengawal kemasukan nelayan asing ke dalam industri perikanan Malaysia. Hal ini bagi memastikan keselamatan negara lebih terjamin serta mengawal masalah sosial yang berlaku ekoran daripada lambakan pekerja asing di negara ini.

SOALAN (21)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	30 OKTOBER 2014 [KHAMIS]
DARIPADA	:	Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

SOALAN :-

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa ramai penyewa di PPR telah meninggal dunia namun kediaman tersebut masih dihuni oleh waris dan apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan isu ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) (Disewa) yang telah siap akan diserahkan kepada SUK (Perumahan)/ Lembaga Perumahan/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk proses pengisian, pengurusan dan penyelenggaraan. Adalah menjadi tanggungjawab SUK (Perumahan)/Lembaga Perumahan/PBT untuk melaksanakan pengauditan dan penguatkuasaan kepada mana-mana penghuni yang melanggar syarat sewaan. Bagi penghuni yang telah meninggal dunia, SUK (Perumahan)/Lembaga Perumahan/PBT boleh menggunakan budi bicaranya untuk memindahkan hak sewaan kepada waris terdekat yang layak.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2014

NO SOALAN: 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 30 Oktober 2014 (Khamis)

SOALAN :

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria pengesahan dan kenaikan pangkat seseorang Pesuruhjaya Kehakiman dan Hakim di Malaysia.

JAWAPAN: <u>PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] dan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan, tiada penggunaan istilah "pengesahan" dan "kenaikan pangkat" dalam Badan Kehakiman sebagaimana yang terdapat dalam perkhidmatan awam.

2. Dalam hubungan ini, seseorang Pesuruhjaya Kehakiman atau Hakim adalah dilantik berdasarkan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:

> *"Seseorang layak dilantik di bawah Perkara 122B sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, sebagai hakim Mahkamah Rayuan atau sebagai hakim mana-mana Mahkamah Tinggi jika —*
>
> *(a) dia seorang warganegara; dan*
>
> *(b) bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya dia telah menjadi peguam bela bagi mahkamah itu atau mana-mana satu daripada mahkamah itu atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri, atau pada suatu masa menjadi peguam bela dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri".*

3. Di bawah peruntukan seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] pula telah menetapkan kriteria pemilihan seperti berikut:

> *"(1) Seseorang calon layak bagi pemilihan jika dia memenuhi kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.*
>
> *(2) Dalam memilih calon, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira antara lain, kriteria yang berikut:*
>
> *(a) integriti, kompetensi dan pengalaman;*
>
> *(b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;*
>
> *(c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;*
>
> *(d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan*
>
> *(e) kesihatan fizikal dan mental.*
>
> *(3) Seseorang yang merupakan Hakim atau Pesuruhjaya Kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum*

ditulis yang terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.

(4) *Dalam memilih calon, Suruhanjaya mestilah juga mengambil kira keperluan untuk menggalakkan kepelbagaian dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam Badan Kehakiman."*

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]

TARIKH : 30.10.2014

SOALAN :

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca berlakunya kebocoran maklumat soalan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menetapkan prosedur keselamatan maklumat agar perkara sebegini tidak lagi berlaku pada masa akan datang.

JAWAPAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi menyiasat kes berkenaan dan yakin akan dapat merungkai segala persoalan yang ditimbulkan termasuk bagaimana dan punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada.

Bagi menangani perkara tersebut berulang, KPM telah mengambil langkah drastik dan serta-merta, antaranya :

i. Penubuhan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh

mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;

ii. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

iii. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;

iv. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;

v. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan

vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusian **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini dari berulang.

RJM73

NO SOALAN :24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN (NIBONG TEBAL)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk campur tangan bagi tangani kemelut pemecatan kakitangan Syarikat Kereta api Tanah Melayu KTMB yang terlibat dalam piket membantah pengurusan tertinggi KTMB baru-baru ini demi menjaga kepentingan pekerja dan syarikat KTMB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek tadbir urus, Kementerian Kewangan selaku pemegang saham tidak boleh campur tangan dalam kemelut pemecatan beberapa kakitangan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kerana ia lebih menjurus kepada isu dalaman syarikat dan wajar diselesaikan di peringkat pengurusan KTMB dengan dibantu oleh Lembaga Pengarah KTMB.

Terkini, Kementerian Kewangan dimaklumkan bahawa perkara ini dalam proses penyelesaian di mana Jabatan Perhubungan Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam usaha untuk membuat perdamaian di antara KTMB dan Kesatuan Pekerja-Pekerja KTMB.

NO SOALAN :25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI (TITIWANGSA)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

a. sejauh mana penerimaan kakitangan MAS terutamanya pihak Kesatuan Pekerja MAS berhubung Pelan Penstrukturan semula MAS yang melibatkan pengurangan tenaga kerja sedia ada iaitu dari 20,000 kepada 14,000; dan

b. berapakah jumlah pampasan yang akan dibayar kepada 6,000 kakitangan MAS yang akan diberhentikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut piawaian dan penanda aras industri bagi syarikat penerbangan yang mempunyai persamaan dengan MAS dari segi saiz, laluan dan pelan perniagaan, jumlah optimum tenaga kerja yang diperlukan oleh MAS adalah seramai kira-kira 14,000 orang bagi memastikan operasi yang cekap dan produktif. Justeru itu, adalah dianggarkan seramai kira-kira 6,000 pekerja akan terlibat dalam proses pemberhentian *(retrenchment).* Ketika ini, MAS giat melaksanakan proses tapisan untuk menentukan *outfit* terbaik dari semua peringkat pengurusan dan sokongan bagi memperoleh kos operasi yang optimum.

Bagi memberikan sokongan kepada kira-kira 6,000 kakitangan MAS yang terlibat dalam proses pemberhentian tersebut, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) di bawah Pelan Penyusunan Semula MAS. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS. Ini termasuklah

sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC akan diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjumpaan dengan kakitangan MAS menerusi beberapa sesi turun padang yang telah diadakan menunjukkan bahawa terdapat sokongan meluas ke atas penubuhan CRC dan OPC daripada kakitangan MAS di samping keinginan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai penyusunan semula ini. Kesatuan pekerja MAS berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai CRC dan OPC, khususnya jenis Latihan Semula yang disediakan, proses pemilihan, tempoh latihan, dan jangka masa untuk menyiapkan pusat tersebut.

Penempatan semula 6,000 orang pekerja dan jumlah pampasan bagi skim pemberhentian ini sedang dimuktamadkan sementara menunggu penyelesaian program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim untuk memastikan bahawa bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Memandangkan jumlah dana yang besar serta usaha dan masa yang banyak diperlukan untuk menjayakan Pelan Pemulihan MAS ini, adalah kritikal bagi Kerajaan untuk memastikan pembentukan sebuah syarikat penerbangan yang berjaya dan mampan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara menjelang penghujung pelaksanaan rancangan ini. Oleh itu, Khazanah komited untuk memastikan proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian yang melibatkan kakitangan MAS dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang ditetapkan bagi meminimumkan kesan kepada mereka yang terlibat.

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT)**
TARIKH	**:**	**30.10.2014 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian telah memikirkan baik buruk dari segi keselamatan negara apabila membuat keputusan untuk menjual tapak-tapak Pengkalan Tentera Darat dan Udara kepada swasta.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan telah mengambil kira pelbagai faktor terutamanya dari segi kepentingan strategik dan keselamatan dalam mempertimbangkan sebarang tanah tentera yang boleh diambilalih oleh pihak swasta. Tanah-tanah yang telah dipersetujui untuk diambilalih oleh pihak swasta merupakan tapak Pangkalan Tentera yang pada asalnya dibina di kawasan yang memenuhi kepentingan strategik dan keselamatan negara. Penempatan ini kini telah menjadi tidak sesuai untuk keperluan pengoperasian dan aturgerak kerana berada di dalam kawasan yang sangat pesat membangun hingga mengancam keselamatan operasi dan juga penduduk sekitarnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA - BN]

TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 27)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian ke atas sukan berstatus antarabangsa yang memakan kos belanja yang amat besar seperti Le Tour de Langkawi, Monsun Cup, dan Perlumbaan F1. Adakah pulangan daripada aktiviti-aktiviti sukan ini setimpal dengan modal yang telah dikeluarkan dan bagaimana ia membantu negara mendapatkan semula pulangan modal.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa dikelolakan seperti LTDL, Monsun Cup dan Perlumbaan F1 mempunyai kepentingan tersendiri terhadap Negara. Bagi acara antarabangsa yang berobjektifkan pelancongan sukan *(sport tourism)* ianya memberi impak kepada pulangan ekonomi Negara. Ianya juga bertujuan untuk mempromosikan tempat-tempat perlancongan yang terdapat di negara ini ke serata dunia. Sungguhpun ia menelan kos yang dianggap tinggi tetapi ia masih dikira rendah dibandingkan sekiranya Kerajaan membuat promosi dari sebuah negara ke sebuah negara. Sebagai contoh dengan peruntukan Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM17 juta dan sokongan dari penajaan korporat sebanyak RM 2.48 juta, LTDL 2014 telahpun berjaya dijalankan dengan skala terbesar dalam sejarah penganjuran melalui penilaian kualiti penyertaan pasukan, penyiaran TV antarabangsa dan pengiklanan/promosi domestik dan antarabangsa secara menyeluruh.

2. Berdasarkan pengiraan universal berkenaan dengan penyiaran TV antarabangsa (mengambilkira RM1 untuk setiap penonton) di Eurosports sebagai penyiar rasmi antarabangsa merekodkan jumlah penonton minimum iaitu 500 juta penonton. Kiraan ini membawa kepada jumlah RM500 juta berbanding perbelanjaan keseluruhan acara. Astro Arena juga memberi penilaian sekitar RM2.5 juta berdasarkan penonton tempatan yang menonton siaran

langsung dan rangkuman selama 10 hari. Media-media lain seperti laman web, media cetak suratkhabar tempatan, *outdoor* media dan pelbagai ruang media lain memberikan nilai sebanyak RM15 juta.

3. Pengunjung LTDL di kesemua venue perlumbaan seramai 897,963 mengambilkira nilai purata minima RM30 perbelanjaan seorang pengunjung membawa kiraan RM26,938,890. Keseluruhan jumlah pengiraan kepada kesan ekonomi adalah RM560,424,971.90 atau 33 kali jumlah perbelanjaan RM17juta yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dalam penganjuran LTDL 2014.

4. Di samping itu dari segi limpahan ekonomi, penyertaan syarikat-syarikat tempatan dalam mengendalikan pengelolaan tersebut haruslah diambil kira. Ianya termasuklah memberi peluang pekerjaan kepada sektor-sektor yang terlibat seperti sektor logistik, perkhidmatan/teknikal, pengangkutan, penyiaran, penerbitan tv dan media serta hotel-hotel penginapan.

5. Kementerian Belia dan Sukan telah memeterai perjanjian baru penganjuran Piala Monsun dengan pihak Innovatige Sdn Bhd selama tiga (3) tahun iaitu bermula pada tahun 2013 hingga tahun 2015. Kos Penganjuran Piala Monsun setahun berjumlah RM 12.9 juta. Manakala tambahan kos bagi penganjuran Liga Layar Malaysia dan Program Belia Belayar ialah sebanyak RM 760 ribu bagi tempoh dua (2) tahun untuk 15 sirkit. Di antara pulangan modal (ROI) Piala Monsun 2013 kepada pihak Kementerian ialah "Gross Media Value" termasuk nilai penyiaran antarabangsa melalui siaran secara langsung, siaran tertunda, edaran media, media sosial dan dalam talian dianggarkan berjumlah seratus tiga

puluh lima (RM 135) juta. Ratio pulangan modal bagi penganjuran Piala Monsun 2013 ini RM135 juta/ RM 12.9 juta bersamaan 10.5 kali. Bermakna setiap perbelanjaan RM 1.00 pulangannya ialah 10 kali. Ia disahkan oleh Retucom (UK Base) syarikat antarabangsa yang membuat penilaian terhadap pengelolaan Piala Monsun Cup.

6. Dalam Program Pembangunan Atlet Negara Monsun Cup telah berjaya melahirkan atlet negara iaitu Jeremy Koo yang telah bertanding di Sukan Asia 2014. Beliau kini merupakan Match Racing empat (4) pengemudi pasukan terbaik Asia dan layak ke separuh akhir acara Match Racing di Sukan Asia 2014. Kemungkinan beliau boleh memenangi pingat di temasya sukan ini.

7. Program Belia Belayar yang merupakan sebahagian daripada program di bawah Piala Monsun telah melahirkan pelayar-pelayar baru yang membabitkan pelajar-pelajar sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang dijemput untuk menyertai Klinik selama tiga (3) hari di lapan (8) venue iaitu Program Belia Belayar di Langkawi, Lumut, Pulau Indah Klang (dua kali), Putrajaya, Port Dickson, Pulau Duyong Terengganu dan Danga Bay, Johor. Setakat ini lima (5) sirkit yang telah dijalankan pada tahun ini telah menerima penyertaan seramai 3,500 orang peserta. Selain itu jurulatih-jurulatih baru dan lama juga diberi latihan sebagai jurulatih Match Racing di semua lapan (8) venue ini.

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini telah menyediakan program-program pembangunan sukan bermotor (empat roda) khususnya sukan go-kart secara sistematik hingga ke

peringkat akar umbi untuk mencari bakat-bakat baru yang berpotensi untuk di ketengahkan menjadi pelumba Formula Satu (F1) pada masa akan datang. Program tersebut ialah Kursus Asas Go-kart yang telah dilaksanakan di setiap Negeri sepanjang tahun hingga kini. Hasilnya lahirlah pelumba-pelumba Negara yang disegani di peringkat dunia seperti :-

i. Nazim Ahmad berusia 13 tahun Juara Rotax Max (Malaysian Championship)
ii. Adam Haikal berusia 14 tahun ,Formula 4 (WSK Euro Siries & CIK/FIA Euro Championship)
iii. Nabil Jeffri di kejohanan Formula BMW dan *Germany Championship*
iv. Jazeman Jaafar di kejohanan GP2 Series (Support Race for Formula 1) and Formula Renault 3.5 (WSR)

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 28

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN NGA KOR MING**
KAWASAN	:	**TAIPING**
TARIKH	:	**30 OKTOBER 2014, KHAMIS**

SOALAN:

YB. TUAN NGA KOR MING (TAIPING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci jumlah pampasan yang dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuh raya secara satu per satu mengikut nama syarikat dalam tempoh 2008 hingga 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan tol secara tunai yang telah dijelaskan oleh Kerajaan kepada pihak konsesi lebuh raya untuk tempoh dari tahun 2008 hingga 2013 ialah sebanyak RM1.109 bilion. Manakala anggaran jumlah pampasan tol pada tahun ini (2014) ialah sebanyak RM400 juta. Pampasan ini mengambil kira keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol berbanding kadar tol yang asal ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Maklumat pecahan pampasan tol (tunai) mengikut lebuh raya terlibat untuk tempoh dari tahun 2008 hingga 2013 ialah seperti di **Lampiran A**.

Sekian. Terima kasih.

LAMPIRAN A

PECAHAN PAMPASAN TOL (TUNAI) MENGIKUT LEBUH RAYA DARI TAHUN 2008 HINGGA 2013

Lebuh Raya	Pampasan (RM juta)						Jumlah (RM juta)
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
E12: Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH)	20.69	19.80	19.11	19.47	19.94	20.21	119.22
E23: Lebuhraya PenyuraianTrafik - KL Barat (SPRINT)	32.06	29.67	48.02	53.97	59.44	58.68	281.84
E38: Terowong SMART	-	-	10.78	11.27	11.56	12.14	45.75
E18: Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK)	-	-	11.29	10.52	11.82	13.04	46.67
E11: Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP)	-	-	-	83.77	86.35	87.66	257.78
E21: Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)	-	-	-	3.98	4.59	5.31	13.88
E30: Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB)	-	-	-	7.71	6.19	5.20	19.1
E22: Lebuhraya Senai - Desaru (SDE)	-	-	-	2.34	3.49	3.58	9.41
E10: Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	-	20.22	13.47	24.61	27.19	29.02	114.51
E17: Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	4.05	3.92	4.19	4.26	4.33	9.58	30.33
E5 : Lebuhraya KESAS	-	-	-	-	92.83	-	92.83
E35 : Lebuhraya Koridor Guthrie (GUTHRIE)	-	-	-	-	10.24	11.93	22.17
E26 : Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)	-	-	-	-	1.77	2.80	4.57
E9: Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	-	-	-	-	-	24.29	24.29
E20: Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX)	-	-	-	-	-	26.56	26.56
JUMLAH	**56.80**	**73.61**	**106.86**	**221.90**	**339.74**	**310.00**	**1108.91**

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN NOGEH ANAK GUMBEK

[MAS GADING]

TARIKH : 30 OKTOBER 2014

SOALAN :

YB. Tuan Nogeh Anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesan peningkatan kes pembunuhan dan penculikan pelancong asing di dalam negara terhadap jumlah pelancong yang berkunjung sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik ketibaan pelancong asing ke Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2014, Malaysia telah menerima seramai **13.8 juta orang** pelancong asing merekodkan peningkatan sebanyak **10.5 peratus** berbanding tempoh yang sama tahun 2013. Secara keseluruhannya didapati kes pembunuhan dan penculikan tidak memberi kesan terhadap ketibaan pelancong asing ke Malaysia kecuali bagi negeri Sabah.

Sabah merupakan salah satu destinasi kegemaran terutamanya bagi pasaran pelancong dari Republik Rakyat China (RRC). Namun, akibat kejadian pencerobohan di Lahad Datu dan juga insiden MH370 yang melibatkan warganegara China telah menjejaskan usaha promosi Kementerian ini di pasaran RRC. Setakat ini pasaran China dan Taiwan yang telah mengalami penurunan sebanyak **11.8 peratus** dan **2.9 peratus** masing-masing bagi tempoh Januari - Julai, 2014 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Jumlah ketibaan pelancong asing daripada negara China adalah seramai **997,370 orang** dan dari negara Taiwan seramai **168,962 orang** pada sehingga bulan Julai 2014.

Sebanyak 30,000 tempahan yang dibatal atau ditangguhkan di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Namun secara keseluruhannya, Kementerian yakin akan mencapai sasaran prestasi ketibaan pelancong asing iaitu seramai **28 juta orang** pelancong pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]

TARIKH : 30.10.2014

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) secara terperinci apakah prosedur dan/atau garis panduan yang ditetapkan dalam penyediaan dan penjagaan soalan-soalan kertas UPSR sama ada sebelum dan selepas penyediaan soalan-soalan tersebut; dan

(b) berapakah kos keseluruhan secara terperinci yang ditanggung oleh Kementerian akibat kebocoran kertas-kertas Sains dan Bahasa Inggeris UPSR tersebut.

JAWAPAN

a) Pemantauan terhadap keselamatan kertas peperiksaan awam termasuk Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sentiasa menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi tujuan ini, Prosedur Operasi Standard (SOP) telah dipatuhi dalam penyediaan dan penjagaan soalan-soalan kertas UPSR sama ada sebelum dan selepas penyediaan soalan-soalan tersebut, iaitu :

i. Penggubal soalan menandatangani surat sumpah rahsia.

ii. Kawasan penggubalan kertas soalan dijadikan kawasan terhad dan pegawai-pegawai yang tertentu sahaja yang boleh masuk dengan menggunakan kad magnet.

iii. Kertas soalan diedar ke bilik-bilik kebal negeri dan kawasan/daerah dengan diiringi oleh pihak polis.

iv. Kertas soalan disimpan di dalam bilik kebal.

v. Ketua Pengawas mengambil kertas soalan pada pagi peperiksaan, dan sampul kertas soalan itu dibuka di hadapan calon pada hari peperiksaan kertas berkenaan.

Walau bagaimanapun, dengan insiden yang berlaku baru-baru ini, KPM telah mengambil langkah drastik dan serta-merta bagi memastikan intergriti dan keselamatan kertas-kertas soalan peperiksanan, antaranya:

i. Penubuhan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;

ii. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian

peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

iii. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;

iv. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;

v. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan

vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

b) Kos bagi keseluruhan pengendalian semua peperiksaan UPSR 2014 belum dapat dinyatakan kerana peperiksaan semula tersebut melibatkan empat (4) mata pelajaran iaitu Bahasa Inggeris, *Science, Mathematics* dan Bahasa Tamil.

RJM76

NO. SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT@ WONG NYUK FOH

TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] bertanya kepada **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan kerajaan untuk menguruskan Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah. Adakah mereka akan disimpan di pusat dan tempat yang tertentu, supaya aktiviti-aktiviti mereka dapat dikawal dan dipantau.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan PTI di negara ini dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang dengan menempatkan mereka terlebih dahulu di pusat-pusat tahanan untuk tujuan dokumentasi sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal. Pada masa ini, terdapat terdapat tiga (3) Pusat Tahanan Sementara (PTS) di negeri Sabah iaitu PTS Papar, PTS Sibuga dan PTS Tawau. Manakala sebuah lagi PTS di Menggatal sedang di dalam proses naik taraf.

Tiga (3) PTS sedia ada kini boleh menampung sehingga 5,500 Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang ditangkap melalui operasi-operasi bersepadu yang disertai oleh pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen Sabah, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 32

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]

TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah program perkabungan negara dan bertafakur pada 22 Ogos 2014 bertepatan dengan fatwa majlis fatwa Kebangsaan

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program bertafakur yang dibuat oleh Kerajaan pada 22 Ogos 2014 semasa menyambut ketibaan jenazah MH17 adalah **acara yang dipanggil *'moment of silence'*** (tunduk selama beberapa minit) bagi menghormati mereka yang terkorban dalam tragedi MH17. Perbuatan ini adalah bagi menghormati mangsa yang telah meninggal dunia dalam nahas

tersebut **tidaklah bertentangan dengan syarak** kerana ia sekadar tanda **penghormatan yang bersifat universal dan tidak melibatkan apa-apa ritual bacaan dan pergerakan yang menyerupai amalan keagamaan agama lain**. Penekanan dalam perbuatan *'moment of silence'* ini adalah bagi menunjukkan kesedihan, ingatan dan penghormatan kepada mereka yang telah terkorban.

Begitu juga dengan **Hari Berkabung Malaysia** yang diisytiharkan oleh Kerajaan pada 22 Ogos 2014 sempena ketibaan jenazah mangsa tragedi MH17. Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan **garis panduan** acara berkabung iaitu mengibarkan Bendera Malaysia separuh tiang, semua acara hiburan ditangguhkan, memakai pakaian berwarna suram/tidak terang dan rancangan hiburan pada semua saluran radio dan televisyen ditangguhkan dan digantikan dengan bacaan Al-Quran dan program berunsur keagamaan.

Berdasarkan kepada pelaksanaan program-program tersebut, ianya **tidak bertentangan dengan syarak dan menyalahi dengan fatwa** yang pernah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada **tahun 1987** khususnya berkaitan dengan amalan **bertafakur.** Amalan **bertafakur** dalam fatwa tersebut adalah merujuk kepada **bertafakur dengan menundukkan kepala** yang dilakukan **di hadapan tugu** dalam upacara menyambut Hari Kenangan Rakan Seperjuangan oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan pelan penstrukturan semula Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) melalui Khazanah Nasional Berhad dan pampasan yang dibayar kepada kira-kira 6000 kakitangan MAS yang diberhentikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keutamaan MAS pada

masa ini adalah untuk menumpukan perhatian kepada pelaksanaan inisiatif sedia ada di bawah pelan perniagaan syarikat dengan sasaran untuk meningkatkan kendalian trafik penumpang yang telah terjejas berikutan insiden MH370 dan MH17 yang lalu. Pelbagai strategi dan pelan jangka pendek telah dirancang dan akan dilaksanakan bagi memulihkan imej syarikat serta meningkatkan semula keyakinan penumpang kepada perkhidmatan MAS. Antara langkah yang dilaksanakan adalah mengaktifkan semula promosi jualan untuk semua sektor termasuk pasaran di China serta menggiatkan kempen pemasaran taktikal di seluruh dunia melalui pakatan perkongsian sedia ada.

Selain itu, MAS terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang serta memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat

mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pemulihan MAS

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja seperti berikut:

1) menubuhkan syarikat baharu bagi menempatkan "MAS Baru", menyahsenarai MAS (syarikat sedia ada) dan penyenaraian semula "MAS Baru". Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam

proses penstrukturan semula secara menyeluruh bagi melindungi kepentingan pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan secara pantas dan berkesan;

2) Menyediakan dana sehingga RM6 bilion untuk penyusunan semula serta pelaburan dan mengurangkan nisbah bersih hutang berbanding dana pemegang saham kepada 120%;

3) Menetapkan semula model perniagaan yang mampan melalui rangkaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada pasaran serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil;

4) Menyatukan operasi teras dan ibu pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);

5) Mengukuhkan jaminan, integriti dan fungsi keselamatan;

6) Mengkaji dan merundingkan semula kontrak bekalan;

7) Memperkukuhkan barisan kepimpinan;

8) Menyesuaikan saiz tenaga kerja, dengan anggaran 14,000 kakitangan di "MAS Baru";

9) Mengukuhkan perhubungan industri dan penjajaran dalaman;

10) Latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;

11) Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama, dan

12) Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan.

Bagi melaksanakan Pelan Pemulihan MAS ini, Khazanah memerlukan

dana sehingga RM6 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat, tertakluk kepada pencapaian syarat-syarat penyusunan semula yang ketat. Antara sasaran yang ditetapkan ke atas MAS adalah seperti penggubalan peraturan kerja dan syarat-syarat pekerjaan berdasarkan penanda aras industri, penyusunan semula proses dan penyelarasan, kajian semula kontrak, penyatuan operasi di KLIA, penubuhan jawatankuasa untuk memudahkan perundingan pekerja, tadbir urus dan etika, kelulusan Pelan Perniagaan, pembangunan sumber manusia dan pengurusan, kajian semula struktur tadbir urus korporat Syarikat dan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kewangan dan operasi untuk pemantauan bulanan bagi memastikan pelaksanaan penstrukturan semula.

Peringkat awal Pelan Pemulihan MAS telah dimulakan dengan proses penyahsenaraian MAS dari Bursa Malaysia dilaksanakan secara *Selected Capital Reduction* (SCR) yang diumumkan oleh Khazanah pada 8 Ogos 2014. Pemegang saham yang berhak akan dibayar balik pada nilai RM0.27 sesaham bagi setiap saham yang dipegang. Keseluruhan transaksi SCR ini dijangka akan dimuktamadkan pada akhir Disember 2014 dan

Khazanah akan menjadi pemegang saham biasa tunggal MAS. Seterusnya kesemua operasi, aset dan liabiliti yang berkaitan akan dipindahkan kepada "MAS Baru" menjelang 1 Julai 2015.

Tempoh peralihan selama 10 bulan akan datang **adalah** daripada syarikat sedia ada kepada "MAS Baru" **yang** akan menyaksikan perubahan besar dari segi barisan kepimpinan akan dilaksanakan secara komprehensif dan teratur. Perubahan ini termasuk mengukuhkan komposisi Lembaga Pengarah, pengurusan atasan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta pengurusan pertengahan "MAS Baru" dengan memanfaatkan bakat kepimpinan terbaik di MAS.

Penghijrahan kepada "MAS Baru" akan melibatkan kajian semula kos keseluruhan syarikat penerbangan tersebut yang dijangka akan menghasilkan struktur kos yang lebih rendah, berikutan struktur operasi dan tenaga kerja akan dilaksanakan berdasarkan amalan dan norma-norma industri yang kompetitif.

Syarikat dijangka mencatatkan keuntungan dalam tempoh 3

tahun dan menjelang tahun 2020 "MAS Baru" dijangka akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh dan boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan semula di Bursa Malaysia, dijual atau diletakkan dalam perkongsian strategik yang mampu menjana pulangan positif.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu Kakitangan MAS

Mengenai pampasan kepada 6,000 kakitangan MAS yang diberhentikan, perkara ini masih belum dimuktamadkan oleh Khazanah dan masih menunggu keputusan program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim-skim lain yang boleh dipertimbangkan untuk memastikan bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Bagi membantu kakitangan yang akan diberhentikan, Khazanah telah menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC)

untuk memberikan sokongan penempatan, selari dengan proses penyusunan semula yang sedang dilaksanakan. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS.

Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi. Khazanah terus komited untuk memastikan bahawa proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri penerbangan adalah salah satu pengganda ekonomi tertinggi iaitu sebanyak 12 kali, berbanding 1 hingga 3 kali yang dicatatkan oleh kebanyakan industri lain. Sebagai contoh, bagi setiap pekerja yang diambil kerja oleh MAS, terdapat empat (4) pekerjaan sokongan lain yang dicipta di pelbagai bidang lain dalam ekonomi. Oleh itu, MAS perlu kekal memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia agar dapat terus menyumbang kepada KDNK negara.

Bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan ini, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek dengan jumlah bayaran kepada perunding dianggarkan berjumlah 1% hingga 2% daripada kos pelaburan keseluruhan sebanyak RM6 bilion.

Dalam menjayakan pelan pemulihan MAS, sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan atau *stakeholders* yang meliputi pengurusan dan kakitangan MAS, Khazanah, Kerajaan, pembekal, kontraktor, institusi kewangan dan rakyat adalah amat penting untuk membina kembali ikon

penerbangan negara.

NO SOALAN :34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ**
		(RAUB)
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a. adakah pihak kementerian akan *'renegotiate employment contract'* dengan *'top executives'* MAS ; dan

b. adakah pihak Kementerian melalui MAS akan "renegotiate contract *catering*" dengan syarikat yang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) adalah anak syarikat Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) hanya memiliki satu saham khas dimana kuasa pemegang saham khas adalah terhad kepada pelantikan wakil MKD dalam Lembaga Pengarah MAS dan lain-lain perkara sepertimana termaktub di dalam Tatacara dan Tataurusan syarikat. Perkara berkaitan tadbir urus dan operasi syarikat seperti pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif adalah di bawah bidang kuasa Khazanah manakala pelantikan pegawai kanan MAS adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah MAS.

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS dan kini telah memasuki peringkat kedua pelaksanaannya. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja termasuklah mengkaji dan merundingkan semula kontrak

bekalan dan memperkukuhkan barisan kepimpinan. Tempoh peralihan daripada syarikat lama ke syarikat baru dalam tempoh 10 bulan akan datang, sehingga 1 Julai 2015 akan menyaksikan perubahan besar kepada barisan kepimpinan yang akan dilaksanakan dengan teratur. Strategi ini akan melibatkan pengambilan masuk pakar penerbangan dari seluruh dunia serta memanfaatkan bakat kepimpinan terbaik di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak MAS juga sedang mengkaji semula semua kontrak bekalan termasuk syarikat yang berkenaan. MAS baru akan menghormati semua kontrak yang mengikut penanda aras yang betul di syarikat lama. Penghijrahan kepada syarikat baru bagaimanapun akan memberi peluang kepada MAS baru untuk menetapkan semula dan memperbaiki kontrak bekalan dan kontrak-kontrak lain berdasarkan norma-norma dan penanda aras pasaran.

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH)

TARIKH : 30.10.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status inisiatif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam menempatkan pegawai integriti di setiap kementerian bagi memastikan perancangan program dan projek Kerajaan mematuhi panduan pencegahan rasuah negara.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 1.9.2014 sebanyak 523 agensi telah menubuhkan Unit Integriti. Manakala jumlah pegawai SPRM yang telah ditempatkan di Unit Integriti Agensi adalah sebanyak 37 orang pegawai.

Sehingga April 2014 melalui pelaporan Unit Integriti yang pertama, sebanyak 50 kes berunsur jenayah telah dirujuk kepada agensi penguatkuasa. Selain daripada ini, terdapat peningkatan sebanyak 62 kes yang dirujuk kepada Lembaga Urusetia Tatatertib untuk tindakan. Terdapat peningkatan penyelesaian sebanyak 685 kes bagi kes-kes prosiding Lembaga Tatatertib. Jumlah aduan yang diterima berkaitan salah laku dan pelanggaran integriti juga telah meningkat sebanyak 1010 aduan. Begitu juga sebanyak 40 cadangan dasar baru/penambahbaikan kepada dasar sedia ada telah dikemukakan. Sebanyak 74 pemeriksaan pematuhan ke atas dasar hal-hal penginstitusian integriti telah dijalankan sementara 132 aktiviti pengukuhan integriti telah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [KERETEH - BN]**

TARIKH : **30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

SOALAN (NO. 36)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi dan pelan pemulihan yang dirangka oleh Kementerian bagi memperbaiki prestasi atlet yang bakal mewakili negara dalam kejuaraan antarabangsa agar imej sukan Malaysia mampu bersinar semula.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memandang serius terhadap mutu persembahan dan prestasi atlet-atlet negara ketika bertanding dalam sukan bertemasya seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Berikutan persembahan hambar kontinjen negara di Glasgow, langkah-langkah awal sedang diambil untuk melihat semula sejauh mana keberkesanan program latihan persediaan atlet yang dilaksanakan sekarang.

2. Antara tindakan yang dilaksanakan iaitu Kementerian akan berbincang dengan Persatuan Sukan Kebangsaan untuk membuat perancangan semula bagi mewujudkan legasi baharu dalam sukan kita melalui Pelan Strategik Jangka Panjang.

3. Usaha-usaha pemulihan atau penambahbaikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program persediaan atlet sukan prestasi tinggi menjadi perkara asas untuk mencipta kejayaan yang lebih besar di masa akan datang. Beberapa pendekatan awal akan diambil seperti berikut :-

    i. Hanya sukan-sukan yang mempunyai daya saing yang tinggi dan berpeluang memenangi pingat dicadangkan untuk menyertai temasya-temasya sukan antarabangsa.

ii. Penstrukturan semula program penyediaan atlet jangka panjang (8-10 tahun) yang bersepadu dan seragam di peringkat negeri, pelapis dan elit.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang status kesiapsagaan pihak awam dan pihak swasta bagi pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa mempergiatkan program kesedaran dan latihan GST dari semasa

ke semasa untuk meningkatkan kefahaman serta kesiapsiagaan pihak awam dan pihak swasta mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada 1 April 2015. Program-program taklimat dan latihan mengenai GST telah berjalan secara intensif dengan sokongan padu daripada kementerian/ jabatan kerajaan dan persatuan-persatuan pengguna.

Penerimaan masyarakat serta tahap kesiapsiagaan mereka terhadap GST semakin baik. Ini kerana maklumat berkaitan GST dapat diakses dengan mudah secara capaian atas talian di mana mereka boleh melayari laman web Kementerian Kewangan (www.treasury.gov.my) dan laman web JKDM (gst.customs.gov.my).

Selain itu, Pusat Panggilan Kastam (*call centre*) yang ditubuhkan oleh JKDM yang beroperasi di Kelana Jaya, Selangor juga memainkan peranan yang penting bagi memudahkan semua pihak mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan GST. Di samping itu, Jabatan Kastam telah membangunkan 60 Garis Panduan sebagai panduan kepada pihak industri berhubung dengan layanan dan prosedur-prosedur GST mengikut sektor-

sektor tertentu.

Pihak Jabatan Kastam akan mengadakan lawatan ke premis-premis perniagaan bagi memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar supaya peniaga dapat memahami dengan lebih jelas terhadap prosedur dan peraturan GST. Program handholding yang dilaksanakan oleh JKDM mulai 1 Oktober 2014 akan memberi pendedahan secara khusus kepada syarikat yang telah berdaftar untuk bersedia dari segi proses dan sistem.

Kerajaan yakin bahawa dengan tahap pemahaman yang tinggi, pelaksanaan GST dapat diterima baik oleh semua lapisan masyarakat dan seterusnya GST dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
KAWASAN	:	BATU
TARIKH	:	30.10.2014 (KHAMIS)
NO. SOALAN	:	38

YB. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan mengapa pengecualian cukai untuk kereta hibrid yang dipasang di luar Malaysia(CBU) telah diberhentikan. Apakah rancangan dan tindakan kementerian untuk membawa masuk lebih ramai pembuat kereta hibrid ke Malaysia yang akan menyediakan alternatif lebih murah bagi rakyat Malaysia membeli kereta hibrid mesra bumi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pengecualian duti import dan duti eksais telah diberikan ke atas kereta hibrid CBU bagi tempoh 30 Ogos 2008 sehingga 31 Disember 2013. Pengecualian cukai ini adalah bagi tempoh sementara sahaja untuk menggalakkan syarikat-syarikat pengeluar kenderaan memasang kereta hibrid di dalam negara yang mana dapat memberi kesan positif bagi pembangunan ekonomi negara.

Ini adalah selaras dengan strategi utama di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014, iaitu untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pengeluaran serantau bagi kenderaan bertenaga efisien (*Energy Efficient Vehicle* - EEV) menjelang tahun 2020. Kenderaan hibrid adalah tergolong dalam kategori EEV.

NO. SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN NG WEI AIK [TANJONG]**
TARIKH	:	**30.10.2014 (KHAMIS)**

TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap skim cepat kaya yang dipelopori oleh Zhang Jian yang mengisytiharkan dirinya sebagai Bakal Orang Terkaya di Dunia. Bagaimana Zhang Jian dapat masuk keluar negara kita tanpa dikesan serta ditangkap oleh pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Zhang Jian merupakan pengasas Skim YSLM di negara ini yang bernaung di bawah sebuah syarikat jualan langsung berlesen iaitu CDTUP International Sdn. Bhd. untuk memberi gambaran bahawa Skim yang dijalankan adalah sah disisi undang-undang. Skim atau pelan pemasaran yang ditawarkan oleh YSLM di bawah syarikat CDTUP International Sdn. Bhd mempunyai unsur-unsur Skim Cepat Kaya atau Skim Piramid yang menawarkan pulangan pelaburan yang tinggi dalam masa yang singkat dan bergantung kepada kemasukan peserta-peserta baru ke dalam Skim berkenaan.

Bagi membanteras skim ini, Kementerian telah membuka 6 (enam) kertas siasatan terhadap syarikat CDTUP International Sdn. Bhd dan penganjur Skim YSLM di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

Daripada jumlah tersebut, 1 (satu) kes telah dihadapkan ke Mahkamah pada 17 September 2014 di mana syarikat dan pengarah berkenaan telah dikenakan jaminan sebanyak RM200,000.00 sementara menunggu tarikh sebutan semula kes pada 21 Oktober 2014. 2 (dua) kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk pertuduhan di Mahkamah dan 3 (tiga) kes lagi masih dalam proses melengkapkan siasatan.

Waran tangkap ke atas seorang lagi pengarah syarikat CDTUP International Sdn. Bhd. telah dikeluarkan oleh Mahkamah dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk memberkas beliau. Selain daripada itu, syarikat CDTUP International Sdn. Bhd. juga telah dibatalkan lesen jualan langsung pada 24 September 2014 kerana melanggar syarat-

syarat lesen dan disyaki menjalankan perniagaan berunsurkan skim piramid.

Kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA 2001) juga telah dibuka dan tindakan pembekuan dan penyitaan harta yang diperolehi melalui aktiviti haram mereka sedang dijalankan.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 30 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7168

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Abu Bakar Jayari, Zainuddin Mislani dan Kassim Ibrahim yang ditahan pada 22.7.2014 kerana terlibat dalam aktiviti-aktiviti pemisahan Sabah dari Malaysia, telah dikeluarkan dengan perintah tahanan pada 9 September 2014 di bawah Seksyen 19A daripada Akta Pencegahan Jenayah untuk pemulihan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) telah mengeluarkan Perintah Tahanan sepertimana kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 19A Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) ke atas Abu Bakar bin Jaiyari, Zainuddin bin Milsani dan Kasim bin Ibrahim berkuat kuasa mulai 09 September 2014 selama dua (2) tahun.

Ketiga-tiga penama telah dikenakan Perintah Tahanan setelah didapati bahawa kegiatan mereka boleh menggugat ketenteraman dan keselamatan awam di mana penama-penama adalah seorang yang bergiat aktif merekrut ahli untuk suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang iaitu *Sultanate of Sulu & North Borneo* di Daerah Kunak, Sabah. Oleh yang demikian, penama-penama adalah termasuk di dalam Kategori Yang Boleh Didaftarkan, Perenggan 7 Bahagian I, Jadual Pertama, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297).

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]**
TARIKH	:	**30.10.2014 (KHAMIS)**

DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa beberapa jenis subsidi yang diperuntukkan kepada rakyat di luar bandar tidak sampai ke sasarannya, terutamanya subsidi pengangkutan di bawah program pelarasan harga barang keperluan untuk kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Apakah tindakan Kerajaan dalam hal ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi membolehkan rakyat menikmati harga barang yang lebih murah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga Barang Kawalan sejak tahun 2009 yang melibatkan tiga projek iaitu Projek Pengedaran Barang Perlu (tepung gandum kegunaan am, minyak masak, gula, beras ST15%), Projek Penyeragaman Harga Gas (LPG) serta Projek Penyeragaman Harga Petrol dan Diesel (*Community Drumming* - CD).

Program ini dilaksanakan melalui pemberian subsidi kos pengangkutan kepada *transporter* atau pembekal untuk mengangkut barangan dari Pusat Pembekalan (*Distribution Centre*) ke kawasan luar bandar dan pedalaman. Dengan ini, golongan sasaran terutamanya rakyat di luar bandar dan pedalaman dapat menikmati harga barangan kawalan bersubsidi pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi memastikan tindakan yang dilaksanakan benar-benar sampai kepada sasaran, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian seperti berikut:

i) Pemberian surat kuota yang menyatakan jumlah kuota bulanan yang diluluskan serta sumber bekalan petrol dan diesel boleh diperolehi;

ii) Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Projek di peringkat Kementerian. Jawatankuasa ini bermesyuarat secara berkala setiap 3 bulan;

iii) Pemantauan oleh Pejabat PDNKK Cawangan/Negeri;

iv) Lawatan naziran oleh Unit Audit Dalaman bersama Sekretariat MHBN;

v) Pasukan Petugas Khas yang memantau pelaksanaan projek; dan

vi) Mengadakan naziran pada setiap bulan oleh Pejabat PDNKK Cawangan/Negeri ke atas transporter dan POS, meliputi sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah keseluruhan transporter dan POS yang telah dilantik.

NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)

TARIKH : 30.10.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia meminda perlembagaan dan undang-undang berkaitan bagi memastikan keberkesanan memerangi gejala rasuah. Usaha Kerajaan dengan penubuhan beberapa "entity" bagi memastikan agar "corruption - a matter of the past" adalah disambut baik. Namun, garis nipis antara 'legally right but morally wrong' dan beberapa kelemahan lain menghalang SPRM berfungsi sebagai badan yang lebih berkesan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Proses pembinaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 mengambil beberapa pengalaman beberapa negara-negara lain yang berjaya menangani rasuah seperti negara Hong Kong. Kejayaan penguatkuasan bukan sahaja bergantung kepada hasil siasatan, tetapi juga program-program pencegahan dan pendidikan yang dilaksanakan secara komprehensif. Justeru, kerajaan akan sentiasa memperuntukkan dana yang mencukupi merangkumi keperluan operasi siasatan, perisikan, pencegahan, latihan dan pendidikan masyarakat kerana rasuah merupakan satu jenayah yang kompleks dan unik

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, adalah menjadi tumpuan kerajaan untuk memberi tumpuan terhadap pencapaian yang diperolehi hasil daripada program transformasi SPRM. Ini dibuktikan melalui hasil laporan yang dikeluarkan *United Nations Convention against Corruption (*UNCAC) menunjukkan Malaysia merupakan sebuah negara yang telah mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai jenayah rasuah dan penguatkuasaan undang-undang serta kerjasama antarabangsa di bawah UNCAC dan mempunyai kesungguhan dalam membanteras rasuah di dalam dan luar Negara.

Meskipun pengiktirafan 23 kejayaan dan amalan baik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) satu pencapaian "luar biasa"

dari segi pematuhan Konvensyen PBB Mengenai Pencegahan Rasuah (UNCAC), kerajaan dan SPRM berpendapat bahawa masih ada ruang untuk penambahbaikan.

Antara cadangan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa ini adalah mengkaji dan memperhalusi beberapa peruntukan undang-undang sedia ada termasuklah melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan perlantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah. Ini kerana pindaan ini memerlukan kelulusan majoriti 2/3 Ahli Dewan Rakyat di Parlimen. *Engagement* yang berterusan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan dengan semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas dan bila tiba masanya kelak apabila pindaan Perlembagaan ingin dibuat, pihak Kerajaan amat berharap agar sokongan majoriti 2/3 Ahli Dewan Rakyat dapat diberikan kepada Kerajaan nanti

Sekian, terima kasih

SOALAN NO.:43

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS**
KAWASAN	:	**ROMPIN**
TARIKH	:	**30 OKTOBER 2014, KHAMIS**

SOALAN:

YB. TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS (ROMPIN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

(a) kedudukan terkini perancangan pelebaran jalan utama dari Muadzam - Keratong - Bahau dan Jalan Segamat - Gambang - Kuantan; dan

(b) statistik kemalangan bagi 5 tahun (2008-2013) untuk menguatkan hujah pelaksanaannya dengan kadar segera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Muadzam-Keratong-Bahau ialah projek baru yang telah dipohon untuk kelulusan pelaksanaan daripada Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10.

Manakala projek menaik taraf Jalan Segamat-Gambang-Kuantan (FT12) pula telah diluluskan dalam RMKe-10 secara reka dan bina. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa berikutan ia melibatkan kos yang tinggi (RM2.3 bilion). Untuk permulaan, Kerajaan telah meluluskan RM340 juta bagi melaksanakan fasa naik taraf dari Gambang ke persimpangan Chini sepanjang 47km. Pembinaan fasa ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2015, iaitu sebaik sahaja proses reka bentuk terperinci projek berkenaan disiapkan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kematian yang dicatatkan akibat kemalangan di Jalan Muadzam-Keratong-Bahau untuk tempoh 5 tahun (2008 hingga 2013) ialah seramai 77 orang. Manakala jumlah kematian di Jalan Segamat-Gambang-Kuantan pula ialah seramai 174 orang untuk tempoh masa yang sama. Faktor utama kemalangan ialah disebabkan kecuaian manusia, seperti memandu laju, memotong di garisan berkembar, mengantuk dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' SRI AZALINA BIN DATO' OTHMAN SAID

TARIKH: 30 OKTOBER 2014

SOALAN:

Dato' Sri Azalina bin Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan mewujudkan program pembangunan modal insan khususnya untuk generasi muda di Parlimen Pengerang dengan memberi latihan-latihan khas untuk menangani limpahan projek mega RAPID dan juga Pembangunan Pelancongan Desaru yang memerlukan tenaga kerja tempatan yang banyak

PR-1323-L64342

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah memberi tanggungjawab kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menjalankan Program Khas Minyak dan Gas dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran untuk memenuhi keperluan industri yang mendesak pada masa kini. Di negeri Johor, ADTEC Batu Pahat dan ILP Pasir Gudang adalah antara ILJTM yang telah dipilih untuk menjadi perintis bagi

menjalankan kursus-kursus berdasarkan *Petronas Occupational Skill Standard* (POSS) bagi bidang *Mechanical, Electrical, Instrumentation* dan *Operation (downstream/upstream)* untuk Tahap 1,2 dan 3. Dari pengambilan pertama, iaitu Julai 2013 sehingga kini, seramai 152 orang telah mendaftar untuk program ini . Dijangka pada tahun 2015 pengambilan akan meningkat kepada 100 pelatih setiap tahun, bagi menampung keperluan tenaga kerja di dalam bidang Minyak dan Gas di Pengerang.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, ILJTM tidak menjalankan kursus berkaitan bidang perlancongan. Namun begitu, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, terdapat satu Pusat Bertauliah yang menjalankan latihan pemandu pelancong di negeri Johor. Maklumat lengkap seperti berikut:

Jadual 1: Pusat Bertauliah yang menjalankan kursus perlancongan di negeri Johor

BIL	NAMA PUSAT BERTAULIAH	ALAMAT	NEGERI	KURSUS
1	IPPJ ACADEMY	TINGKAT 25, MENARA KOMTAR, 80000 JOHOR BAHRU, JOHOR	JOHOR	PEMANDU PELANCONG

NO. SOALAN : 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN IR. SHAHARUDDIN ISMAIL [KANGAR]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah bagi mengatasi krisis tenaga yang dijangka melanda negara jika rizab tenaga di loji tenaga semakin menyusut dan sekaligus mengganggu operasi industri pembuatan dan perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) mempunyai mekanisme yang khusus iaitu Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) untuk menangani sebarang krisis tenaga yang bakal timbul sekiranya rizab tenaga semakin menyusut dan mengganggu industri pembuatan dan perkhidmatan.

2. JPPPET yang dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air adalah bertanggungjawab ke atas perancangan pembekalan tenaga elektrik serta hala tuju industri bekalan elektrik negara, yang merangkumi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. JPPPET ini melibatkan semua pihak yang berkepentingan termasuk Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), PETRONAS dan lain-lain.

3. KeTTHA melalui JPPPET sentiasa berusaha supaya keselamatan sistem pembekalan elektrik dipatuhi berdasarkan kriteria *Loss of Load Probability* (LOLP) iaitu 1 hari/setahun bagi Semenanjung dan 1.5 hari/setahun bagi Sabah. Di samping itu, dengan mengambilkira saiz dan *maturity,* dengan izin, sistem Grid Nasional, kadar *reserve margin* yang selesa yang telah dikenalpasti adalah pada kadar 25%. Dalam hal ini, kadar *reserve margin* bagi Semenanjung bagi tahun 2014 adalah sebanyak 24%.

4. JPPPET juga membincangkan Pelan Pembangunan Penjanaan Semenanjung dan Sabah untuk diguna pakai bagi tujuan tindakan jangka pendek serta perancangan jangka sederhana dan panjang sehingga tempoh 20 tahun akan datang. Semakan perancangan pembekalan elektrik ini dilakukan 2 hingga 3 kali setahun untuk mengemas kini pelan pembekalan elektrik dengan mengambil kira isu-isu semasa seperti permintaan elektrik semasa, harga bahan api, prestasi loji-loji sedia ada dan sebagainya.

5. Berdasarkan perancangan dan pembangunan infrastruktur-infrastruktur berkaitan serta langkah-langkah-langkah seperti penetapan *reserve margin*, Kementerian akan memastikan supaya bekalan elektrik adalah sentiasa mencukupi dan percaya bahawa sebarang krisis tenaga

dapat ditangani dan dibendung bagi menggelakkan sebarang gangguan kepada industri pembuatan dan perkhidmatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 30.10.2014

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) peranan Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris dalam mempertingkatkan tahap pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dalam negara; dan

(b) inisiatif yang diambil bagi memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar mahupun guru dan pengajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris (MPSKBI) diwujudkan sebagai satu inisiatif pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan dianggotai oleh tujuh (7) Panel Pakar Bahasa Inggeris untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam:

1) Menentukan standard penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris (BI);
2) Membuat verifikasi standard kandungan pembelajaran dan standard prestasi BI; dan
3) Menyetarafkan standard BI dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan di bawah KPM dari peringkat prasekolah ke Tingkatan Enam, Matrikulasi dan Latihan Perguruan di Malaysia.

Panel pakar BI yang sedang berkhidmat sekarang (2012-2014) terdiri daripada lima (5) pakar BI daripada tiga (3) universiti awam (Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA), dua (2) daripada universiti swasta (Nottingham University, cawangan Malaysia dan Kolej INTI, Nilai), seorang pakar/penulis bebas dan seorang wakil daripada British Council.

Di sepanjang tahun 2013 hingga 2014, MPSKBI telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi membantu mempertingkatkan standard dan kualiti BI di pelbagai peringkat. Di antaranya ialah:

1) Menyemak Modul Guru dan Murid bagi Proram LINUS 2.0 Bahasa Inggeris dan mencadangkan langkah penambahbaikan.
2) Meneliti kurikulum Program *Bachelor of Education (Hons) Primary Education with English,* Kirkby International College.
3) Membuat semakan terhadap Modul Program Peningkatan Profesionalisme Bahasa Inggeris Guru Prasekolah.

4) Menganjurkan Symposium *Common European Framework of Reference for Languages* CEFR 2013 dengan tema *Towards Language Education Transformation in Malaysia* pada 29-30 Oktober 2013.

5) Menghasilkan satu *position paper* yang menyokong penggunaan *CEFR* sebagai piawaian BI antarabangsa di Malaysia.

6) Menyediakan dokumen *Roadmap for English Language Development in Malaysia.*

(b) Inisiatif yang diambil bagi memperkukuhkan penguasaan BI dalam kalangan murid mahupun guru dan pengajar dibahagi kepada lima fokus utama berdasarkan tujuan dan sasaran iaitu kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran, latihan profesioanal keguruangan dan program sokongan.

RJM77

NO SOALAN :47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM (JULAU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM [JULAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menghapuskan sistem pembidaan tertutup terhadap mana-mana projek di bawah "Design & Build" seperti jalan, jambatan dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menekankan supaya semua perolehan Kerajaan dilaksanakan secara

tender bagi meningkatkan tahap ketelusan dalam proses perolehan dan memperkukuh daya saing serta bina upaya syarikat tempatan. Perolehan secara tender boleh dilaksanakan secara tender terbuka, tender pra kelayakan dan tender terhad.

Bagi projek yang dipelawa secara tender terhad, Kementerian/Badan Berkanun dibenarkan untuk melaksanakan perolehan tersebut bagi projek-projek yang memerlukan kepakaran bernilai tidak melebihi RM10 juta selaras dengan ketetapan di dalam 1PP /PK2/2013/Perenggan 10 mengenai Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi.

Melalui kaedah perolehan secara tender terhad ini, elemen persaingan masih dikekalkan di mana tawaran para petender akan melalui proses penilaian yang sama seperti tender terbuka bagi memastikan tawaran terbaik dan paling menguntungkan dipilih. Antara kriteria yang ditentukan ialah keupayaan syarikat, prestasi/trek rekod, kedudukan kewangan, beban kerja semasa syarikat (*order book*) serta lain-lain kriteria yang bersesuaian.

NO SOALAN :48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.10.2014**

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memastikan jumlah pendapatan pelaburan terus kekal sementara berdepan kadar inflasi dijangka terus meningkat hingga 2015.

JAWAPAN

uan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan caruman ahli KWSP adalah terjamin, KWSP

sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berdisiplin dan berhemat, sejajar dengan peruntukan Seksyen 26 Akta KWSP 1991. Strategi pelaburan KWSP adalah berteraskan kepada Alokasi Aset Strategik di mana peruntukan alokasi aset adalah berdasarkan perancangan pelaburan jangka panjang selaras dengan objektif pelaburannya iaitu melindungi dan memberi nilai tambah kepada wang simpanan ahli.

Strategi pendiversifikasi kelas aset yang optimum adalah elemen yang penting dalam memastikan simpanan ahli tidak terjejas (*capital preservation*) akibat inflasi dan pada masa yang sama mampu menjana pulangan yang kompetitif. Bagi pelaburan jangka panjang KWSP, komposisi aset pelaburan KWSP adalah berisiko rendah dan pendedahan yang tinggi kepada instrumen berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang stabil.

Selain itu, KWSP turut melaksanakan pendiversifikasian portfolio dengan mempertingkatkan pendedahan ke dalam kelas aset yang lain seperti Ekuiti, Hartanah dan Infrastruktur sama ada domestik mahupun global dalam julat yang dibenarkan bagi mengoptimumkan pulangan pada

julat risiko yang berpatutan. KWSP sentiasa mencari peluang melabur dalam aset yang matang, berkualiti, mempunyai kadar pulangan tinggi serta mampu menjana pendapatan yang stabil untuk diagihkan sebagai dividen tahunan kepada ahli.

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR]**
TARIKH	:	**30 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan dalam memantau kemasukan makanan 'Genetically Modified Food' (GMF) dalam pelbagai bentuk ke Malaysia supaya tidak menjejaskan kesihatan pengguna serta tidak mengandungi bahan-bahan yang tidak halal.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin mengenai kemasukan makanan *'Genetically Modified Food'* (GMF) dalam pelbagai bentuk ke Malaysia. KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) bertanggungjawab untuk memastikan makanan adalah selamat melalui penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan lain-lain peraturan di bawahnya.

Di Malaysia, hanya GMF yang mengandungi *event Genetically Modified Organism (*GMOs) yang telah melalui proses penilaian keselamatan (*safety assessment*) dan disahkan selamat oleh Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik (GMAC) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dibenarkan diimport atau dipasarkan. GMAC ditubuhkan di bawah Akta Biokeselamatan 2007 dan berfungsi untuk memberikan nasihat saintifik, teknikal dan lain-lain nasihat yang berkaitan. Malaysia sentiasa berpendirian bahawa pelabelan mandatori bagi GMF amat perlu supaya pengguna dapat membuat pilihan yang bermaklumat. Peraturan berkaitan pelabelan GMF telah diwartakan pada 8 Julai 2010 dan mula dikuatkuasakan pada 9 Julai 2014.

Pelabelan makanan dan ramuan makanan yang mengandungi dan dihasilkan daripada organisma diubah suai secara genetik telah diwajibkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Peraturan ini juga menghendaki supaya pelabelan sumber gen termasuklah daripada haiwan dan bahan yang boleh menyebabkan hipersensitiviti diwajibkan. Ini bagi menggalakkan ketelusan dan membolehkan pengguna mengetahui sumber ramuan makanan terutama yang memberi kesan kepada kesihatan seperti alahan dan membantu menepati tuntutan agama dan budaya seperti halal, *vegetarian* dan sebagainya.

KKM sedang menjalankan pemantauan ke atas GMF bagi keperluan pelabelan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pada masa yang sama, KKM berkerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta pihak industri pengeluar makanan untuk memastikan hanya makanan dan ramuan makanan yang mengandungi GMOs yang telah diluluskan oleh GMAC diimport dan dipasarkan di negara ini.

SOALAN NO: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**
		[BAGAN SERAI]
TARIKH	:	**30 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai penyelidikan dan usaha untuk mencipta vaksin denggi di Malaysia yang kita ketahui mengalami peningkatan kes demam denggi dan kematian yang sangat membimbangkan sejak awal tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang peka akan keperluan kajian berkenaan vaksin di samping kajian lain bagi mengawal penyakit denggi. Pada masa ini, melalui Institut Penyelidikan Perubatan, penyelidikan bersama dengan Kementerian Pertahanan untuk membangun vaksin denggi sedang diusahakan.

Walau bagaimanapun, penyelidikan tersebut masih dalam fasa awal di mana penjujukan DNA strain virus denggi tempatan dijalankan untuk mengenalpasti kesesuaian strain-strain tersebut dalam pembinaan prototaip vaksin denggi yang bakal dibangunkan.

Selain itu, bila mana ada vaksin baru dibangunkan oleh syarikat industri vaksin antarabangsa, KKM akan berterusan memberi kerjasama bagi sama-sama menjalankan penyelidikan bagi memastikan keberkesanan dan keselamatan penggunaan vaksin tersebut bagi menangani wabak denggi.

NO. SOALAN : 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN SIM CHEE KEONG**
[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : **30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik dari 2009 – 2013 pecahan kelapa sawit oleh FELDA dan FELCRA yang
1) dijual terus kepada kilang pemprosesan minyak sawit mentah; dan
2) yang dijual melalui orang tengah/dealer *(pusat pengutipan kelapa sawit)*, dalam peratus dan dalam nilai ringgit.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Statistik dari tahun 2009 hingga 2013 pecahan kelapa sawit oleh FELDA dan FELCRA yang :

i) dijual terus kepada kilang pemprosesan minyak sawit mentah; dan

ii) dijual melalui orang tengah/dealer (pusat pengutipan kelapa sawit) dalam peratus dan nilai ringgit adalah seperti di **Lampiran.**

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN

1) FELDA

TAHUN	PEMBEKAL							JUMLAH	
								KUANTITI (MT)	NILAI (RM)
2009	FELDA	4,794,399.76	97.8	2,073,308,794.54	106,705.60	2.2	44,279,882.42	4,901,105.36	2,117,588,676.96
	FGVPM	5,212,860.12	97.1	2,155,448,144.92	154,628.82	2.9	67,306,608.16	5,367,488.94	2,222,754,753.08
	FASSB	259,897.15	100.0	109,234,551.02				259,897.15	109,234,551.02
	JUMLAH	10,267,157.03	97.5	4,337,991,490.48	261,334.42	2.5	111,586,490.58	10,528,491.45	4,449,577,981.06
2010	FELDA	4,772,508.02	98.1	2,723,042,144.72	93,904.81	1.9	53,450,277.90	4,866,412.83	2,776,492,422.62
	FGVPM	4,743,807.87	97.6	2,553,748,127.98	115,069.04	2.4	67,304,816.62	4,858,876.91	2,621,052,944.60
	FASSB	248,093.29	100.0	140,471,029.50				248,093.29	140,471,029.50
	JUMLAH	9,764,409.18	97.9	5,417,261,302.20	208,973.85	2.1	120,755,094.52	9,973,383.03	5,538,016,396.72
2011	FELDA	5,307,030.34	98.1	3,707,564,563.51	105,436.19	1.9	71,199,341.09	5,412,466.53	3,778,763,904.60
	FGVPM	5,127,680.69	98.6	3,267,797,628.62	72,611.48	1.4	52,505,048.66	5,200,292.17	3,320,302,677.28
	FASSB	272,100.49	100.0	182,834,096.74				272,100.49	182,834,096.74
	JUMLAH	10,706,811.52	98.4	7,158,196,288.87	178,047.67	1.6	123,704,389.75	10,884,859.19	7,281,900,678.62
2012	FELDA	5,549,144.02	97.8	3,194,043,702.69	123,833.64	2.2	68,916,798.22	5,672,977.66	3,262,960,500.91
	FGVPM	4,890,381.67	99.1	2,643,521,895.86	45,005.15	0.9	25,986,484.27	4,935,386.82	2,669,508,380.13
	FASSB	264,216.82	100.0	143,321,022.38				264,216.82	143,321,022.38
	JUMLAH	10,703,742.51	98.4	5,980,886,620.93	168,838.79	1.6	94,903,282.49	10,872,581.30	6,075,789,903.42
2013	FELDA	6,029,342.64	98.0	2,929,197,154.45	125,610.02	2.0	57,485,781.78	6,154,952.66	2,986,682,936.23
	FGVPM	5,028,007.53	99.1	2,251,311,653.54	45,638.20	0.9	22,124,737.05	5,073,645.73	2,273,436,390.59
	FASSB	276,579.59	100.0	122,117,027.66				276,579.59	122,117,027.66
	JUMLAH	11,333,929.76	98.5	5,302,625,835.65	171,248.22	1.5	79,610,518.83	11,505,177.98	5,382,236,354.48
JUMLAH KESELURUHAN		52,776,050.00	98.1	28,196,961,538.13	988,442.95	1.9	530,559,776.17	53,764,492.95	28,727,521,314.30

NOTA :

i) Data

ii) Hantaran Buah Tandan Segar (BTS) dalaman ke Kilang FELDA (FELDA Palm Industries Sdn Bhd – FPISB) dan Kilang Luar

iii) Pembekal FGVPM dan FASSB merujuk kepada FELDA Global Ventures Plantations(M) Sdn Bhd dan FELDA Agricultural Services Sdn Bhd

iv) Hantaran BTS ke Kilang Luar kerana jarak kilang FELDA yang jauh dari ladang FELDA. Kilang Luar ini merupakan kilang yang diberi kontrak (proses tender) oleh FPISB untuk mengambil BTS FELDA

2) FELCRA

TAHUN	KILANG SAWIT			ORANG TENGAH						
				KPFB			KPR			
	KUANTITI (MT)	NILAI (RM)	KUANTITI (%)	KUANTITI (MT)	NILAI (RM)	KUANTITI (%)	KUANTITI (MT)	NILAI (RM)	KUANTITI (%)	
2009	2,001,448.00	821,287,130.00	83.2	240,819.00	108,023,221.00	10.0	162,080.00	68,700,729.00	6.7	2,404,347.00
2010	1,725,255.00	959,430,566.00	80.1	335,419.00	189,481,427.00	15.6	92,345.00	53,536,996.00	4.3	2,153,019.00
2011	1,843,008.40	1,221,887,047.07	79.3	345,047.00	237,385,713.00	14.8	136,421.00	92,893,316.00	5.9	2,324,476.40
2012	1,662,451.99	932,738,649.09	79.0	265,846.00	166,060,039.00	12.6	175,667.00	108,725,972.00	8.3	2,103,964.99
2013	1,754,334.41	750,402,447.58	74.6	371,138.00	172,647,007.00	15.8	226,730.00	102,360,305.00	9.6	2,352,202.41
JUMLAH KESELURUHAN	8,986,497.80	4,685,745,839.74	79.3	1,558,269.00	873,597,407.00	13.7	793,243.00	426,217,318.00	7.0	11,338,009.80

NOTA :

i) KPFB adalah Koperasi Peserta FELCRA Berhad

ii) KPR adalah Koperasi Peserta Rancangan FELCRA

SOALAN NO: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**: LISAN**
DARIPADA	**: YB DATO' SERI TIONG KING SING**
	[BINTULU]
TARIKH	**: 30 OKTOBER 2014**
SOALAN	**:**

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

a. adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menjalankan pemeriksaan terhadap kilang pengusaha minyak masak tempatan memandangkan isu minyak kitar semula diguna untuk memproses minyak masak semakin hangat di luar negara; dan

b. apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan jaminan kualiti keselamatan minyak masak di pasaran.

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan pemeriksaan ke atas premis pembungkusan semula (*repacker*) minyak masak yang dilesenkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi mengenalpasti sama ada premis tersebut menjalankan aktiviti pemprosesan semula minyak masak terpakai. Syarikat *repacker* adalah syarikat yang diberi lesen oleh MPOB untuk membeli minyak masak yang telah diproses secara pukal bagi tujuan dibungkus untuk jualan. Hasil pemeriksaan yang telah dijalankan sejak tahun 2012 sehingga kini, sebanyak 234 premis *repacker* telah diperiksa dan tiada bukti premis-premis tersebut memproses atau membungkus minyak masak terpakai untuk kegunaan manusia serta tiada bukti berlaku aktiviti menambah minyak masak terpakai ke dalam minyak masak di premis-premis tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

KKM juga telah memeriksa secara rawak premis-premis makanan yang meliputi premis pemprosesan makanan dan *food service outlet* (termasuk di pasar malam dan pasar tani) untuk mengesan penggunaan minyak masak tidak berlabel. Tujuan mengesan penggunaan minyak masak tidak berlabel di dalam premis yang diperiksa adalah bagi mengenalpasti punca minyak masak tersebut menggunakan prinsip *traceability* dan seterusnya menjalankan pemeriksaan di premis yang mengeluarkan minyak masak berkenaan. Hasil pemeriksaan pada tahun 2012 sehingga kini ke atas 1,203 premis makanan mendapati semua

premis tersebut menggunakan minyak masak berlabel serta yang berpunca dari premis yang telah dilesenkan oleh MPOB.

Tuan Yang DiPertua,

Semua aktiviti pengimportan, pengilangan dan penjualan minyak masak terpakai yang diproses semula adalah tidak dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983. Mana-mana orang yang didapati mengimport, mengilang dan menjual minyak masak terpakai yang diproses semula yang boleh memudaratkan kesihatan, tindakan akan diambil di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983 di mana jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi tempoh 10 tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang DiPertua,

Dalam memastikan jaminan kualiti keselamatan minyak masak di pasaran, KKM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang turut bertanggungjawab dalam menangani isu minyak masak kitar semula ini iaitu MPOB dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) berdasarkan bidang kuasa masing-masing bagi menangani isu ini secara menyeluruh.

NO. SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]

TARIKH : 30 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7353

SOALAN:

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian masih menggunakan "Offline Interpol Data System" yang lama serta bilakah Kementerian akan menaik taraf sistem tersebut kepada pangkalan data "Interpols Stolen & Lost Travel Documents (STLD)" bagi tujuan meningkatkan kawalan keselamatan penerbangan di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses memuktamadkan draf perjanjian antara *International Criminal Police Organization* (INTERPOL) dengan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum dihantar ke Pejabat Peguam Negara untuk semakan dari segi perundangan. Sementara itu, Kementerian masih menggunakan *"Offline Interpol Data System"* bagi menyemak data pasport yang hilang dan dicuri.

SOALAN NO.: 54

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW**
KAWASAN	:	**SIBU**
TARIKH	:	**30 OKTOBER 2014, KHAMIS**

SOALAN:

YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan untuk Pan Borneo Trunk Road Sarawak bagi tahun 2015. Senaraikan jenis projek yang akan dilancarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini telah meluluskan 3 projek baru Jalan Pan Borneo di Sarawak yang akan dilaksanakan secara konvensional pada tahun 2015.

Kos keseluruhan untuk ketiga-tiga projek ini ialah sebanyak RM918 juta. Manakala peruntukan 2015 yang akan disediakan pula ialah sebanyak RM130 juta.

Senarai projek baru Jalan Pan Borneo di Sarawak itu ialah seperti berikut:

(a) Menaik taraf Jalan dari Simpang Nyabau ke Jalan Simpang Bakun (44km) – anggaran kos RM618 juta;

(b) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian (8km) – anggaran kos RM80 juta; dan

(c) Membina 22 Lorong Memotong di Sarawak – anggaran kos RM189 juta.

Sekian. Terima kasih.